

HAJI: KABINET BELUM BUAT KEPUTUSAN

SHAH ALAM 22 Feb. — Kabinet belum membuat keputusan untuk membenarkan rakyat Malaysia mengerjakan haji tahun ini walaupun Arab Saudi memberi jaminan keadaan di kota suci Mekah dan Madinah selamat.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan membuat keputusan selewat - lewatnya minggu pertama Mac ini.

"Kalau dah ada jaminan selamat, kita sukalah rakyat kita ke Mekah macam biasa," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kilang Canon Opto (M) Sdn. Bhd., di sini hari ini.

Beliau berkata, "seperti tahun - tahun lalu, Tabung Haji membuat penilaian untuk menentukan jemaah haji Malaysia dapat dijaga

dengan baik.

"Sekarang nampaknya sudah ke arah penyelesaian (perang Teluk) dan lebih mudah kita membuat keputusan untuk membenarkan jemaah mengerjakan haji," ujar beliau.

Ditanya mengenai pengganti Tan Sri Abdul Aziz Abdul Rahman sebagai Pengarah Urusan MAS, Perdana Menteri berkata, kabinet belum membuat keputusan mengenainya.

Kepada soalan lain, beliau memberitahu, keputusan sama ada untuk memecahkan MAS kepada dua badan berasingan -- yang mengendalikan penerbangan antarabangsa dan yang mengendalikan penerbangan dalam negara, hanya akan dibuat selepas kajian mengenainya selesai.